



Penyelidikan penuaan sihat dipergiatkan

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi - November 8, 2022 @ 12:24pm
bhnews@bh.com.my



Peningkatan populasi warga emas di Malaysia menyumbang kepada peningkatan penyakit.
Foto/

KUALA LUMPUR: Warga emas yang mengalami penuaan secara sihat adalah aset penting kerana golongan itu mampu menyumbang dari aspek perkongsian pengalaman kepada generasi muda dalam membantu ke arah pembangunan negara.

Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Norazah Mohd Nordin, berkata untuk merapatkan jurang antara penjagaan kesihatan di hospital dan komuniti bagi populasi menua, Pusat Kajian Penuaan Sihat dan Kesejahteraan (H-Care) mengambil pendekatan multidisplin merangka penyelidikan bersesuaian sebagai persediaan ke arah penuaan sihat dan kesejahteraan.

Katanya, bidang penyelidikan penuaan sihat dan kesejahteraan sangat relevan dan perlu untuk negara.

"H-Care entiti berperanan penting dan aktif dalam meneraju penyelidikan 'translational' dan inovasi berkaitan penuaan sihat dan kesejahteraan.



Dr Norazah (tengah) bersama Dekan Fakulti Sains Kesihatan UKM, Prof Dr Suzana Shahr (kiri) dan Pengerusi H-CARE Fakulti Sains Kesihatan UKM, Prof Dr Devinder Kaur Ajit Singh pada Majlis Sambutan 10 tahun H-CARE UKM di Kuala Lumpur, baru-baru ini.- Foto Aizuddin Saad/NSTP

"Hasil penyelidikan dijalankan penyelidik ini dalam komuniti sasaran ini mampu memberi impak lebih besar kerana keberkesanannya dikaji dahulu," katanya.

Beliau berucap pada Majlis Perasmian Sambutan 10 Tahun H-Care dan Hari Warga Emas 2022 di Pusat Kesihatan H-Care, di UKM, di sini, baru-baru ini.

Majlis itu diadakan dengan kerjasama Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) bertujuan memaparkan kejayaan dan perkembangan H-Care sebagai peneraju penyelidikan penuaan sihat sepanjang 10 tahun penubuhannya.

Dr Norazah berkata, peningkatan populasi warga emas di Malaysia menyumbang kepada peningkatan penyakit atau komorbiditi penyakit berkaitan obesiti dan tekanan darah tinggi serta seumpamanya.

Secara tidak langsung akan meningkatkan risiko penyakit demensia dan strok malah, rawatan bagi kedua-dua penyakit itu juga menelan kos agak tinggi.

"Program dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh H-Care adalah salah satu cara bagi pihak universiti untuk menyumbang semula kepada masyarakat.

"Program memfokuskan kepada pencegahan penyakit adalah kekuatan penyelidik H-Care dan diharap masyarakat akan menjadi lebih cakna terhadap penuaan sihat," katanya.

Seiring kemajuan teknologi perubatan, kewujudan H-Care dilihat mampu menjadi pemangkin kepada usaha berterusan yang dilaksanakan kerajaan bagi memperkasa warga emas.

"Jika dahulu mereka sering diklasifikasikan sebagai kumpulan lemah kerana keuzuran dari segi fizikal, kini wajah baru melalui pelaksanaan pelbagai program hasil penyelidikan dijalankan.

"Justeru, penubuhannya tepat pada masanya seiring peningkatan jangka hayat populasi dan insiden penyakit berkaitan transisi demografi ini," katanya.

UKM amat menyokong penuh kepentingan pusat kecemerlangan penyelidikan ini dalam meneruskan legasi kecemerlangan universiti watan dan menyumbang kepada penarafan kedudukan.

"Terima kasih kepada semua yang menyokong usaha dijalankan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan warga emas.

"Diharap setiap program diadakan dapat menyumbang kepada misi mencapai penuaan sihat di Malaysia dan sebagai sebuah entiti penyelidikan saya yakin mereka dapat menjalankan tanggungjawab sebaiknya," katanya.

Dekan Fakulti Sains Kesihatan UKM, Prof Dr Suzana Shahar berkata, statistik Jabatan Perangkaan Malaysia dijangka akan mencapai status Negara Tua pada 2030 apabila 15 peratus daripada jumlah penduduknya adalah warga emas.

Penuaan dikaitkan dengan pelbagai cabaran dari aspek kesihatan dan sosioekonomi.

"Oleh itu, usaha itu relevan dalam hab pembelajaran sepanjang hayat, dengan melaksanakan program berimpak tinggi melalui kerjasama pelbagai pihak sama itu serta pihak pemegang taruh di peringkat kebangsaan dan antarabangsa," katanya.

Seiring kemajuan teknologi, kewujudan H-Care dilihat mampu menjadi pemangkin kepada usaha berterusan yang sudah dilaksanakan kerajaan bagi memperkasa golongan warga emas.

"Saya berbangga apabila pada usia 10 tahun ini, H-Care melangkah setapak ke hadapan dengan berjaya menghasilkan pelbagai inovasi produk baharu yang berpotensi dan sedang dalam usaha pengkomersialan untuk manfaat masyarakat dan warga emas," katanya.